

02 AUG 2003

Rencana-Tenom (Bergambar)

TENOM, DAERAH KOPI SABAH MAHU JADI "TAMAN FIRDAUSI BORNEO"

Oleh: Jackson Sawatan

TENOM (Sabah): Gara-gara terpikat dengan keharuman aroma kopi Tenomlah yang mendorong Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mengunjungi daerah pedalaman di Sabah ini dan menikmati potensi pelancongannya.

Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir sudah lama mendengar kecemerlangan kualiti kopi Tenom, namun masa tidak mengizinkannya untuk mengunjungi Tenom sehinggalah baru-baru ini beliau merebut kesempatan itu dengan mengunjungi Kilang Kopi Yit Foh, dekat sini.

Pengurus kilang berkenaan, Alex Yong, dalam taklimatnya memberitahu menteri dan rombongannya bahawa kilang itu telah beroperasi sejak 1960 lagi dan kini menggunakan premis baru yang lebih besar.

Namun kaedah tradisional masih dikekalkan iaitu menggunakan kayu api untuk memanggang biji-biji kopi. Kaedah ini mampu membangkitkan aroma kopi Robusta yang sudah sekian lama mengharumkan nama Tenom sebagai "ibu negeri" kopi bagi negeri Sabah.

"Tidak dinafikan, kopi Tenom memang terkenal kerana rasanya yang lazat dan aromanya sungguh harum...saya datang ke sini selepas mendengar keistimewannya," kata Abdul Kadir.

Untuk ke Tenom, ia mengambil masa kira-kira tiga jam dan para pengunjung harus melalui jalan berliku dan merentasi Banjaran Crocker. Namun persekitaran dan pemandangan inilah yang mencuit hati Abdul Kadir untuk meninjau potensi pelancongan yang boleh ditawarkan daerah ini.

TENOM LEBIH DARIPADA KOPI

Abdul Kadir berkata selain kopi, daerah itu memiliki banyak tarikan yang mampu menggamit para pelancong, baik dari segi keindahan persekitaran semula jadinya mahupun kebudayaan penduduknya.

Para pengunjung wajar meluangkan waktu yang panjang untuk menghayati keistimewaan Tenom dan Tenom sebaliknya boleh berani menyatakan harapan untuk menampilkan diri sebagai sebuah "Taman Firdausi Borneo".

Menurut Pegawai Daerah Tenom, Amat Mohd Yusof, satu kajian oleh firma perunding dari Ireland telah dijalankan tahun lepas bagi melihat kesesuaian dua daerah -- Tenom dan Kudat -- untuk membangun sektor pelancongan luar bandar.

Beliau berkata firma perunding itu kemudiannya mencadangkan supaya sektor pelancongan Tenom mengambil tema Taman Firdausi Borneo kerana kewujudan Taman Pertanian Sabah di sini yang dianggap sebagai yang tercantik seumpamanya di Asia Tenggara.

Jelas Amat, konsep yang ada pada taman itu akan diperluaskan ke kawasan sekitarnya sehinggalah merangkumi keseluruhan daerah Tenom bagi mewujudkan satu koridor pelancongan luar bandar yang unggul di Sabah.

Antara destinasi menarik yang lain ialah Air Terjun Kalang yang mempunyai 14 tingkat, berakit di Sungai Padas, Perkampungan Murut, kewujudan misteri Batu Berukir Ulu Tomani dan kubu Antenom seorang pahlawan Murut.

Bagi pencinta keindahan hutan hujan tropika, mereka bolehlah menaiki kereta api antik dari Tenom ke Beaufort yang turut menjanjikan pemandangan mempesonakan ketika menyusuri tebing Sungai Padas di celah-celah bukit dan cerun.

Perjalanan ini pula bagaikan satu pengembaraan merentasi masa kerana mereka tidak boleh mengelak daripada membayangkan suasana purba tatkala

melalui kawasan itu.

KEUNIKAN TAMAN PERTANIAN

Bagi mereka yang kesuntukan waktu, curilah kesempatan mengunjungi Taman Pertanian Sabah di Lagud Seberang, 12km dari pekan ini.

Semasa merasmikan taman itu pada Mac 2001, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah meluahkan kekagumannya terhadap taman itu.

Pada persidangan media di akhir lawatan dua hari itu, Dr Mahathir diajukan pelbagai soalan menyentuh politik Sabah memandangkan ketika itu politik negeri bakal menyaksikan pelantikan seorang ketua menteri yang baru dalam sistem penggiliran jawatan itu.

Selepas meladeni semua soalan itu, beliau menegur wartawan kerana tidak mengemukakan soalan mengenai Taman Pertanian Sabah yang dirasmikannya.

"Anda semua bertanyakan tentang politik...adakah anda tahu bahawa di Sabah ini ada sebuah taman pertanian yang tercantik di dunia," tanya Dr Mahathir ketika itu.

Hakikatnya, taman itu tidak sekadar mengenai pertanian kerana ia turut memuatkan pusat orkid tempatan yang mengandungi koleksi sejumlah besar orkid yang hampir pupus, pusat lebah, taman purba kala yang mengandungi replika evolusi tumbuh-tumbuhan, serta tumbuhan eksotik seperti bunga teratai gergasi terapung yang mampu menampung berat kanak-kanak sehingga 20kg.

PEKAN BURUNG LAYANG-LAYANG

Bagi yang tiba di Tenom menjelang senja, usah kecewa dan jangan sangka bahawa tiada apa yang sempat disaksikan di pekan ini.

Luangkan waktu dengan bersiar-siar di sekitar pekan dan saksikan ratusan ribu burung layang-layang yang menjadikan pokok, talian telefon dan apa sahaja yang boleh dihindang di pekan itu sebagai tempat tidur.

Tatkala senja menjelang, kelihatan burung-burung itu berhimpit-himpit dan keriuhan kedengaran, yang menimbulkan tanda tanya kepada pengunjung mengapa pekan itu menjadi pilihan sebagai tempat berteduh.

Hasil tinjauan dua hari di pekan itu dan kawasan sekitarnya, Abdul Kadir mengakui kelebihan Tenom yang membolehkan daerah itu menjadi peneraju kepada cadangan untuk mewujudkan zon eko-pelancongan di pedalaman Sabah meliputi Tenom, Keningau dan Tambunan.

Kawasan ini cantik dan memenuhi aspek pelancongan bertaraf antarabangsa, jelas Abdul Kadir sambil berkata bahawa beliau mahu usaha meningkatkan prasarana segera dipertingkatkan untuk memesatkan sektor pelancongan di zon itu.

Beliau bagaimanapun berkata halangan paling ketara ialah jarak perjalanan yang jauh yang mungkin sukar menarik minat pelancong yang hanya mahu melawat daerah itu dalam masa sehari.

Pemanduan sejauh 193km dari Kota Kinabalu ke sini memakan masa hampir tiga jam manakala dengan kereta api selama empat jam untuk perjalanan sejauh 173km.

Tetapi semua ini bakal berubah sedikit masa lagi.

"Saya dimaklumkan bahawa usaha untuk menaik taraf jalan Kimanis-Keningau yang merupakan jalan pintas ke daerah Keningau dan Tenom sudah diluluskan. Dengan siapnya jalan itu, perjalanan cuma mengambil masa kurang dua jam," katanya.

Yang pasti, keistimewaan Tenom akan menambahkan variasi pelancongan Negeri di Bawah Bayu ini yang tersohor kaya sumber alam semula jadi dari puncak Gunung Kinabalu hinggalah ke dasar laut yang menjadi syurga penyelam skuba.--Bernama

JS RR